



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

159,720 PENGGUNA TERIMA MANFAAT E-DOMPET, 52,869.5KG MAKANAN BERJAYA DISELAMATKAN DALAM 20 HARI BRR 2025

Hari ini saya telah menyempurnakan sesi turun padang di peringkat zon Sabah dengan meninjau pelaksanaan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) Raya di Pasar raya Gemilang, mengadakan lawatan tapak di syarikat pembungkusan minyak masak Lian Soon Ei Enterprise Sdn.Bhd dan juga turun padang di Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) di Bangunan Sabindo Plaza, Tawau, Sabah.

Siri turun padang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kali ini memfokuskan kepada tiga objektif iaitu; Pertama ialah untuk memperkasa BRR melalui menu RAHMAH dan digitalisasi di bawah inisiatif Program Payung RAHMAH MADANI yang diperkenalkan sejak 2023. Sehingga 20 Mac 2025, sebanyak 2,063 peniaga di seluruh negara telah menawarkan Menu RAHMAH dengan harga RM5.00 dan ke bawah, termasuk 122 peniaga di 13 lokasi BRR di Sabah. BRR 2025 yang memperkenalkan Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (Retail Digitalisation Initiative - ReDI) telah memberi insentif tanpa tunai kepada peniaga dan pengunjung bazar. Sehingga kini, seramai 159,720 pengguna telah menerima manfaat e-dompet RM20, dan jumlah ini dijangka meningkat menjelang akhir Ramadan.

Objektif kedua ialah untuk melihat bagaimana usaha menangani pembaziran makanan melalui pelaksanaan MySaveFood Ramadan berjaya menyelamatkan lebihan makanan untuk diagihkan kepada golongan memerlukan. Kerjasama yang ditonjolkan oleh Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia (GEMA) dan Gerakan Pengguna Siswa (GPS), di 123 bazar seluruh Malaysia melibatkan 2,138 sukarelawan ini dalam 20 hari operasi berjaya menyelamatkan 52,869.5kg makanan yang bernilai RM644,332.18.

Program MySaveFood di Sabah bermula di Keningau pada 2024 dan kini berkembang ke Kota Kinabalu, Papar, Beaufort, dan Tawau dengan penyertaan 65 ahli GPS dari 12 institusi, termasuk UMS, UiTM Sabah, dan lain-lain. Di Bazar Ramadan Sabindo Plaza, ahli GPS dari IPG Tawau, Politeknik Tawau, dan Kolej Komuniti Tawau turut serta. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang pengurusan sisa makanan dan membantu golongan memerlukan, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) untuk mengurangkan pembaziran makanan 50% menjelang 2030 dan mencapai *Zero Hunger*.

Objektif ketiga ialah melalui penguatkuasaan OPS PANTAU yang bertindak melindungi para pengguna. Setakat 21 Mac 2025, OPS PANTAU telah merekodkan 51,266 pemeriksaan di seluruh negara, dengan 274 kes dan 1,128 aduan direkodkan. Sebanyak 262 kompaun berjumlah RM59,500.00 telah dikeluarkan oleh KPDN.

Di Sabah, sebanyak 3,662 pemeriksaan telah dijalankan di 10 daerah, termasuk 711 pemeriksaan di Tawau. Tiga kes telah diambil tindakan oleh KPDN Daerah Tawau, melibatkan dua kes di bawah AKHAP 2011 kerana tiada tanda harga dan satu kes di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 kerana alat timbang tidak ditentusahkan sepanjang OPS PANTAU 2025 ini.

Sesi turun padang yang dilaksanakan hari membuktikan keseriusan KPDN dalam memastikan kebajikan pengguna dipelihara melalui harga barangan berpatutan, mengurangkan pembaziran makanan, serta melindungi kepentingan pengguna sepanjang bulan Ramadan ini. Gabungan usaha ini bukan sahaja membantu meringankan beban rakyat, tetapi juga memastikan ekosistem perniagaan yang adil, lestari, dan bertanggungjawab.

YB SENATOR DR. FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
Dan Kos Sara Hidup

Sabah
21 Mac 2025